



ایکتن فنولیس سابه

IKATAN PENULIS SABAH

Kota Bharu, 6 Ogos 2023

KENYATAAN AKHBAR

AWANG ABDUL MUIZZ: TINGKATKAN PROMOSI KEUNIKAN, KEPELBAGAIAN WILAYAH TIMUR LAUT

Kolokium Antarabangsa Peradaban Wilayah Timur Laut (KAPWTL) yang telah memasuki siri yang kelima pada tahun ini seharusnya sudah berhasil membawa suatu rumusan yang menggariskan masa depan peradaban wilayah tersebut dalam jangka pendek mahupun jangka panjang. Ketua Satu, Ikatan Penulis Sabah (IPS), Awang Abdul Muizz Awang Marusin, berkata perkara ini mustahak agar semua pihak yang berkepentingan faham dengan jelas akan hala tuju yang diinginkan oleh masyarakat wilayah tersebut pada masa hadapan.

Awang Abdul Muizz menyambut baik usaha KAPWTL 2023 untuk membicarakan kewibawaan sosiobudaya, ekonomi dan pelancongan di Wilayah Timur Laut. Namun begitu, kolokium ini, menurut beliau, seharusnya telah dimanfaatkan bukan sahaja untuk mempelajari ilmu-ilmu baharu berkaitan dengan peradaban Wilayah Timur Laut, tetapi juga untuk membawa para pemakalah dan peserta untuk mengesyorkan solusi kepada permasalahan yang sedang berlaku di Wilayah Timur Laut.

Oleh itu, beliau mengesyorkan beberapa rumusan yang dapat menggambarkan pengisian KAPWTL 2023. Antaranya termasuklah meningkatkan promosi keunikan dan kepelbagaian seni, budaya dan warisan yang terdapat di seluruh Wilayah Timur Laut kepada masyarakat luar Wilayah Timur Laut; menggalakkan penyelidikan yang mengintegrasikan kearifan Wilayah Timur Laut dengan kearifan wilayah lain; dan menambahbaik harkat dan martabat Wilayah Timur Laut dalam bidang ekonomi industri, pendidikan, pembangunan kemahiran dan hubungan antarabangsa.

Beliau turut mencadangkan agar perbincangan mengenai Wilayah Timur Laut diperluaskan kepada beberapa buah bidang lagi termasuk keselamatan awam, pemerintahan tempatan, serta sains dan teknologi. Beliau optimis bahawa penglibatan pelbagai disiplin ilmu dan kemahiran dalam forum, seminar dan persidangan antarabangsa seperti KAPWTL 2023 mencadangkan peningkatan mutu kehidupan masyarakat Wilayah Timur Laut pada masa hadapan. Beliau berkata demikian di Kota Bharu, Kelantan pada Ahad (6 Ogos).

Mengulas mengenai kolokium yang telah diadakan semalam (5 Ogos) di Universiti Fatoni, Yarang, Pattani, Thailand, Awang Abdul Muizz berkata bahawa kolokium tersebut masih dapat ditambahbaik pada masa depan. Tanpa menyatakan secara terperinci perkara tersebut, beliau melihatnya mustahak bagi membolehkan kolokium tersebut sentiasa memenuhi piawaian sebenar sebuah forum, persidangan dan seminar antarabangsa,

sekaligus meningkatkan kebolehpercayaan pelbagai pihak berkepentingan terhadap individu dan organisasi yang melaksanakannya.

Kolokium yang dianjurkan oleh Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan; Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia Wilayah Timur; Universiti Fatoni; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta organisasi lain di Malaysia dan Thailand telah menarik penyertaan lebih daripada 250 orang pemakalah dan peserta daripada 12 buah negara di seluruh dunia. Antara negara yang terlibat termasuk Australia, Uzbekistan, Azerbaijan dan Rusia.

Turut diadakan sempena kolokium ini ialah Wacana Peradaban yang bertemakan 'Bahasa, Sastera dan Budaya Wilayah Timur Laut' di Princess of Naradhiwas University di Mueang Narathiwat, Narathiwat, Thailand pada pagi Ahad (6 Ogos). Kolokium yang pernah diadakan pada tahun 2001, 2003, 2005 dan 2020 ini mendapat dukungan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.